



10 FEB, 2024

Tiada siasatan rampasan 110kg jongkong emas di Tawau - Polis

Sinar Harian, Malaysia



Tiada siasatan rampasan 110kg jongkong emas di Tawau - Polis

KOTA KINABALU - Tiada siasatan dijalankan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) terhadap rampasan 110 kilogram (kg) jongkong emas di Lapangan Terbang Tawau pada Selasa.

Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Jauteh Dikun berkata, PDRM mengesahkan telah menerima laporan berhubung rampasan emas berkenaan.

“Bagaimanapun, laporan itu telah diklasifikasikan dan dirujuk kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM),” jelasnya.

JKDM pada Khamis mengesahkan menerima serahan 110kg jongkong emas yang dirampas di Lapangan Terbang Tawau.

JKDM turut mengesahkan tiada pelanggaran di bawah Akta Kastam 1967 atau perundangan subsidiari berhubung aktiviti terbabit.



10 FEB, 2024

Tiada siasatan rampasan 110kg jongkong emas di Tawau - Polis

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA KINABALU - Tiada siasatandijalankan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) terhadap rampasan 110 kilogram (kg) jongkong emas di Lapangan Terbang Tawau pada Selasa. Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Jauteh Dikun berkata, PDRM mengesahkan telah menerima laporan berhubung rampasan emas berkenaan.“Bagaimanapun, laporan itu telah diklasifikasikan dan dirujuk kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM),” jelasnya.JKDM pada Khamis mengesahkan menerima serahan 110kg jongkong emas yang dirampas di Lapangan Terbang Tawau.